

**Tingkatkan Kepelbagaian Kalangan Pengurusan Tertinggi Syarikat Awam - Najib Bernama**  
**9 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata usaha perlu dilakukan bagi meningkatkan kepelbagaian dan keterangkuman dalam kalangan pengurusan tertinggi syarikat awam.

Beliau berkata berdasarkan kajian terkini TalentCorp ke atas syarikat awam, kepelbagaian secara keseluruhannya baik dari segi gender, umur dan etnik, dengan 38 peratus pembabitan wanita, 67 peratus berusia 40 tahun ke bawah dan komposisi etnik menyamai penduduk dengan Bumiputera menguasai 66 peratus jumlah tenaga kerja.

Namun, hasil kajian yang diumumkan Rabu menunjukkan perlunya usaha meningkatkan kepelbagaian dilakukan peringkat pengurusan tertinggi, dengan wanita kini hanya menguasai 24 peratus, dengan 18 peratus berusia 40 tahun ke bawah dan 34 peratus Bumiputera.

"Perjalanan kita untuk menjadi negara maju menjelang 2020, berjalan lancar. Seperti yang digariskan dalam Model Baru Ekonomi, kita tidak boleh memenuhi objektif negara berpendapatan tinggi dengan mengorbankan keterangkuman dan kemampanan," katanya pada sesi rundingan Meja Bulat Kemampanan & Kepelbagaian di Putrajaya, Rabu.

Najib menggesa supaya lebih banyak syarikat senaraian awam Malaysia menyedia laporan yang lebih mampan, yang meliputi maklumat komposisi tenaga kerja, selari dengan amalan terbaik peloporan antarabangsa.

Syarikat senaraian awam kini disyaratkan mendedahkan laporan tahunan mengenai dasar kepelbagaian gender, terutama dalam konteks pemilihan anggota lembaga pengarah.

"Untuk masa hadapan, kita akan meluaskan lagi skop supaya syarikat awam menyediakan dan mendedahkan dasar-dasar kepelbagaian mereka, mencakupi gender, etnik dan umur anggota lembaga pengarah dan pengurusan," katanya.

Najib berkata organisasi utama Malaysia, yang melaksanakan kepimpinan mampan dan terangkum, akan diperakui dan diberikan ganjaran oleh pasaran kewangan dan pelabur.

Pada asas global, syarikat yang melaksanakannya berjaya menarik dan mengekalkan pelaburan daripada sumber yang lebih luas.

"Di seluruh dunia, kekayaan negara dan dana pencen, memelopori agenda kemampanan dengan memilih lebih banyak dan membuat pelaburan yang lebih besar dalam syarikat dan instrumen yang

lebih mampan memandangkan pelaburan ini bukan sahaja meluaskan kepelbagaian, malah menyediakan pembiayaan selain pulangan sosial," kata Najib.

Najib berkata Valuecap diperuntukkan RM1 bilion dalam Bajet 2014 untuk melabur dalam syarikat yang menunjukkan prestasi tinggi dalam indeks Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus.

"Dan dana lain berkaitan kerajaan, akan disediakan bagi memberi fokus yang lebih tinggi ke atas pelaburan yang lebih mampan," kata Perdana Menteri.

Mengenai penyertaan wanita, Najib berkata Malaysia mencatat kemajuan yang baik dengan kadar penyertaan tenaga kerja wanita (FLPR) yang didapati meningkat kepada 52.4 peratus pada 2013 berbanding 49.5 peratus pada 2012.

"Ini meletakkan kita pada kedudukan yang baik untuk merealisasikan sasaran 55 peratus pada 2015," katanya.

Perdana Menteri berkata berdasarkan data 2013, hanya 8.0 peratus anggota lembaga pengarah syarikat awam terdiri daripada wanita berbanding sasaran sebanyak 30 peratus menjelang 2016.

Walaupun lebih 700 wanita dilatih di Institut Antarabangsa NAM khusus untuk pembangunan dan memperkasakan wanita (NIEW) pada 2012 dan 2013, setakat ini hanya 115 penempatan dibuat dalam syarikat awam.

Perdana Menteri berkata setakat ini 33 peratus pegawai kanan kerajaan terdiri daripada wanita, melebihi sasaran dasar sebanyak 30 peratus.

"Semasa saya mengambil alih jawatan ini lima tahun lepas, wanita hanya mengisi 18 peratus jawatan pengurusan kanan dalam perkhidmatan awam," kata Najib.

Beliau berkata bagi menarik, membangun dan mengekalkan bakat sedia ada, keterangkuman dalam perkongsian penguasaan ekonomi perlu ditingkatkan untuk berjaya.

"Gaji pada masa ini sebagai peratusan dalam KDNK menyumbang 32.9 peratus, dan angka ini dianggap rendah berbanding tahap sumbangan peratusan di negara maju, yang kita hasratkan," katanya.

Najib berkata dalam konteks Malaysia, keterangkuman juga melibatkan usaha bagi memastikan kepelbagaian tenaga kerja, sumber kekuatan dan perbezaan pasaran.

"Kita memperjuangkan keterangkuman bukan sahaja ia merupakan asas untuk kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi, malah ia sesuatu keputusan yang betul," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1029231>